SUKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE: SPQ03-AK

4H3M
PHU QUOC



MENIKMATI PEMANDANGAN AIR TERJUN YANG SANGAT CANTIK DI PHU QUOC IAITU TRANH STREAM.



4H3M

PHU QUOC

SOKA MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE: SPQ03-AK

HARI 01 | KUALA LUMPUR - PHU QUOC — MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Phu Quoc.
Lawatan di **Phu Quoc:**

- Bertolak ke **Bamboo Shop** yang merupakan kedai seni yang memfokuskan pada produk kraftangan dari buluh dan kelapa seperti cawan, lampu, dan hiasan rumah.
- Menerokai **Kebun Lada Hitam Phu Quoc** yang menghijau, dengan deretan pokok lada yang subur mencipta suasana seperti labirin hijau yang menyegarkan dan mempesonakan.
- **Pearl Farm:** Terkenal dengan menjual pelbagai jenis perhiasan berasaskan mutiara yang ditawarkan dalam rekaan klasik mahupun moden dan pengunjung juga dapat mempelajari secara langsung proses penghasilan mutiara.

Masa bebas untuk membeli-belah di pasar malam.
Bermalam di **Phu Quoc.**

HARI 02 | PHU QUOC - VIN WONDER, VIN SAFARI & GRAND WORLD — SP/MT/MM

Bertolak ke Vin Safari & Vin Wonder

- Bertolak ke **Vin Safari** taman safari yang terletak di Phu Quoc, Vietnam, dan merupakan sebahagian daripada kompleks Vinpearl. Taman ini menampilkan pelbagai jenis haiwan dari seluruh dunia dalam persekitaran yang menyerupai habitat semula jadi mereka untuk menonton persembahan haiwan dan melawat zoo.
- Bertolak ke **Vin Wonder** taman tema besar yang menawarkan pelbagai tarikan dan hiburan untuk pengunjung dari semua peringkat umur. Disini terdapat pelbagai permainan dan tarikan yang menarik, termasuk roller coaster, pertunjukan ikan duyung live show, dan permainan air.
- Bertolak ke **Grand World**, iaitu destinasi yang menakjubkan dengan tarikan seperti Venice, Shanghai Lantern Street, Clarke Quay Light Dome, Teddy Bear Museum, dan Bamboo House yang dihiasi dengan 42,000 pokok buluh, menawarkan pengalaman yang unik dan menarik kepada pengunjung.

Bermalam di **Phu Quoc.**

HARI 03 | PHU QUOC - PULAU HON THOM — SP/MT/MM

Lawatan di **Pulau Hon Thom:**
Bertolak ke Pulau Hon Thom.

- Menaiki Cable Car ataupun **Sun World Hon Thom Cable Car,** adalah salah satu kereta kabel terpanjang di dunia yang merentasi laut. la menghubungkan Phu Quoc dengan Pulau Hon Thom dan menawarkan pemandangan indah laut biru dan pulau-pulau tropika di sekitarnya.
- Melawat **Aquatopia Water Park** taman air bertema yang terletak di Pulau Hon Thom, Vietnam. la menampilkan pelbagai gelongsor air, kolam ombak, dan tarikan air yang sesuai untuk pengunjung dari semua peringkat umur.
- Melawat dan mengambil gambar di **Kiss Bridge** jambatan ikonik di Grand World Phu Quoc, Vietnam, yang direka dengan bentuk unik menyerupai dua struktur yang hampir bersentuhan, seakan-akan dua individu hendak bercium.
- Melawat **Roman Square** iaitu kawasan yang direka dengan inspirasi dari seni bina Rom kuno. Dikelilingi oleh bangunan-bangunan klasik dan patung-patung yang elegan, dataran ini memberikan suasana Eropah yang mewah dan bersejarah.
- Masa bebas untuk menyaksikan bunga api dan persembahan muzik air.

Bermalam di **Sunset Town.**

HARI 04 | PHU QUOC - KUALA LUMPUR — SP

Bertolak ke airport untuk meneruskan perjalanan pulang ke Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG

VIETNAM DONG
VND 100,000 = RM 20

PERBEZAAN WAKTU

Vietnam: GMT+7 Malaysia: GMT+8

Musim Panas: Jun - September

Musim Luruh: Okt - November

Musim Sejuk: Disember - Feb

Musim Bunga: Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



SUN WORLD HON THOM CABLE CAR

Salah satu kereta kabel terpanjang di dunia yang merentasi laut. Ia menghubungkan Phu Quoc dengan Pulau Hòn Thơm dan menawarkan pemandangan indah laut biru dan pulau-pulau tropika di sekitarnya

2.



VIN WONDER

Taman tema besar yang menawarkan pelbagai tarikan dan hiburan untuk pengunjung dari semua peringkat umur. Dengan pelbagai permainan dan tarikan yang menarik, termasuk roller coaster, pertunjukan secara langsung, dan permainan air.

3.



GRAND WORLD

Destinasi yang menakjubkan dengan tarikan seperti Venice, Shanghai Lantern Street, Clarke Quay Light Dome, dan Welcome Center yang dihiasi dengan 42,000 pokok buluh.

4.



ROMAN SQUARE

Kawasan yang direka dengan inspirasi dari seni bina Rom kuno. Dikelilingi oleh bangunan-bangunan klasik dan patung-patung yang elegan, dataran ini memberikan suasana Eropah yang mewah dan bersejarah.

Hotel Penginapan 3★ Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Phu Quoc	2 Mlm
Sunset Town	1 Mlm

Jadual Penerbangan

AirAsia

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	AK 545	KUL - PQC	1250	1335
4	AK 546	PQC - KUL	1410	1700

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke Vin Wonder dan Safari.
- Kereta kabel 2 hala di pulau Hon Thom.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Lawatan tambahan seperti :
  - Tiket menaiki Boat Venice di Grand World.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.